




# BULETIN DBKL OKTOBER - DISEMBER


# 2023





# OKTOBER 2023

[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)





## DATUK BANDAR RASMIKAN JALAN SAMBUNGAN TAMAN DATO SENU 3 KE JALAN KG BANDAR DALAM SENTUL

7 OKTOBER 2023

YBhg. Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur pada hari ini telah menyempurnakan Majlis Perasmian dan Pembukaan Jalan Sambungan Taman Dato Senu 3 Ke Jalan Kg. Bandar Dalam Sentul. Projek ini merupakan tanggungjawab sosial korporat daripada Kumpulan Melati Ehsan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Jalan sambungan ini merupakan salah satu langkah untuk menyempurnakan trafik di Bandar Sentul Utama dan kawasan perumahan disekitarnya dan secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah kesesakan lalulintas setempat dan kesesakan trafik pada jalan keluar-masuk di kawasan Sentul seperti Taman Datuk Senu, Bandar Sentul Utama, Sentul Impian, Sentul Garden, Taman Sentul Jaya dan Taman Pelangi.

Jalan ini juga merupakan jalan pintas yang menghubungkan Lebuhraya DUKE dan waktu perjalanan dapat disingkatkan terutama pada waktu puncak. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah, YB Tuan P. Prabakaran, Ahli Parlimen Batu, dan YB Tuan Ts. Zahir Bin Hassan, Ahli Parlimen Wangsa Maju.

## DBKL, PDRM, DOSH, SWCORP IMIGRESEN TUTUP TAPAK PEMBINAAN DALAM OPERASI BERSEPADU

13 OKTOBER 2023

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama pasukan agensi sahabat terdiri daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH) melaksanakan Operasi Bersepadu Tapak Pembinaan Siri 16/2023 di Jalan Kiara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada tengahari Khamis 12 Oktober 2023. Menerusi operasi bersepadu kali ini, pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang kuasa dan peruntukan undang-undang masing dikawasan tapak pembinaan secara menyeluruh dibahagian dalam dan luar pembinaan bagi menentukan tahap kebersihan, laluan, struktur pembinaan, keselamatan dan permit kebenaran serta memastikan segala peraturan di tempat pembinaan senantiasa di patuhi oleh kontraktor dan pemilik syarikat.



## DBKL SERTAI ASIA-PACIFIC URBAN FORUM 8 (APUF-8) DI SUWON, KOREA

23 OKTOBER 2023

DBKL SERTAI ASIA-PACIFIC URBAN FORUM 8 (APUF-8) DI SUWON, KOREA Seramai empat (4) orang pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hadir dan menyertai Asia-Pacific Urban Forum 8 (APUF-8) di Suwon, Korea Selatan yang diadakan dari 23 hingga 25 Oktober 2023. Delegasi DBKL diketuai oleh YBr. Tuan Ismadi bin Sakirin, Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi. Penyertaan delegasi DBKL ini merupakan antara usaha-usaha DBKL di dalam mengetengahkan peranan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia yang komited kepada agenda 2030 dan penglibatan aktif Kuala Lumpur di platform antarabangsa. Delegasi DBKL juga turut menghadiri 43rd. Session of the Executive Committee Meeting of CityNet (ExCom) yang diadakan serentak pada forum berkenaan. Dalam mesyuarat tersebut, Kuala Lumpur telah dilantik sebagai Naib Pengerusi CityNet. Selain itu, DBKL turut memberikan komitmen bagi merealisasikan kerjasama baik di antara Kuala Lumpur dan Tokyo dengan menyertai Parallel Session anjuran Tokyo Metropolitan Government (TMG)



## KDYMM SPB RAJA PERMAISURI AGONG BERKENAN BERCEMAR DULI BERANGKAT KE KUALA LUMPUR CITY GALLERY DAN BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD

18 OKTOBER 2023

Pada hari ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong telah berkenan bercemar duli berangkat ke Kuala Lumpur City Gallery dan Panggung Bandaraya. Keberangkatan tiba KDYMM SPB Tuanku telah disambut oleh YBr. Tuan Haji Mohamad bin Hamim, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL dan YBr. Puan Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia. Dalam lawatan tersebut Baginda telah berkenaan untuk melihat Kuala Lumpur City Gallery Bangunan Sultan Abdul Samad dan kawasan sekitarnya. Menjunjung kasih Tuanku.





## JOM BERSIH BUKIT BINTANG 20 - ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

28 OKTOBER 2023

Pada hari ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL) dan Jabatan Alam Sekitar WPKL telah menganjurkan Jom Bersih Bukit Bintang ke-20 dengan tema "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama". Program ini dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Badrul Hisham, Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan & Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mewakili Datuk Bandar. Program Jom Bersih, merupakan sebuah acara yang diadakan dua kali setahun merupakan salah satu aktiviti untuk mencapai matlamat SDG ke 11 iaitu Bandar dan Komuniti Mampan di mana usaha-usaha meningkatkan tahap kebersihan dan keindahan bersama komuniti disamping memberi kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan menjaga kebersihan dan alam sekitar. Program ini juga bertujuan untuk menanam rasa sayang komuniti setempat dalam menjaga dan memulihara alam sekitar dan kebersihan persekitaran, bekerjasama dengan rakan kongsi dan masyarakat setempat serta menggalakkan amalan sihat dikalangan warga kota. Selain aktiviti gotong royong, juga diadakan kempen-kempen kesedaran berkaitan penjagaan alam sekitar, kebersihan dan penjagaan kesihatan yang disampaikan oleh rakan kongsi. Seramai 1000 orang peserta dari 44 organisasi kerajaan, swasta, institusi dan NGO hadir memeriahkan program ini.

## KAMI BERSAMAMU PALESTIN


30 OKTOBER 2023

Siapa yang tidak meruntun jiwa menyaksikan kesengsaraan rakyat Palestin yang disaji di dada media? Tidak ada kegembiraan.. hanya kisah derita, duka dan lara . Namun apa daya kita, keterbatasan.. hanya doa menjadi senjata agar tertegaknya kemanusiaan dan robohnya kebatilan di Palestin. Warga kerja DBKL tidak terkecuali. Iltizam menghulur bantuan buat rakyat Palestin. Bertitik tolak dari itu, tengahari tadi telah dilancarkan Tabung Kemanusiaan Palestin Peringkat DBKL oleh Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi, Tuan Ismadi Sakirin. Ini hanyalah sekelumit usaha sebagai tanda solidariti warga kerja DBKL terhadap rakyat Palestin yang dizalimi. Turut hadir adalah YBrs. Tuan Haji Mohamad bin Hamim, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek, Ketua-Ketua jabatan serta warga kerja DBKL. Apa yang berlaku di Palestin, menyedarkan Min betapa bertuahnya kita di Malaysia, walau ada kepayahannya tapi masih dilindungi kemakmuran. Jadi, sekecil manapun sumbangan yang mampu diberi, hulurkanlah seikhlas hati. Mungkin kecil buat kita tetapi begitu besar maknanya buat yang sengsara di sana. Inilah dukungan kami, warga kerja DBKL terhadap pendirian teguh YAB Perdana Menteri dalam menyatakan sokongan terhadap Palestin.





# NOVEMBER 2023



[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)

## MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DEEPAVALI KOMUNITI KUALA LUMPUR 2023

2 NOVEMBER 2023

Sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan sebagai tanda rasa syukur di atas nikmat yang telah dikurniakannya, sebahagian warga kerja DBKL pada hari ini telah melaksanakan ibadah korban pada Program Qurban Madani 1444H anjuran Persatuan Kakitangan Islam DBKL (KESEDARAN) bertempat di Menara Penguatkuasa, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

Sebanyak 22 ekor lembu telah dikorbankan dan daging-daging tersebut telah diagihkan kepada mereka yang berhak serta warga kerja DBKL. Program Qurban Madani ini diserikan lagi dengan kehadiran YB Dato' Seri Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, YBhg. Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur, YBhg. Datuk TPr Sulaiman Bin Mohamed, Pengarah Eksekutif Perancangan, YBhg. Datuk Hj Azmi Abdul Hamid, Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi, YBrs. En Azman bin Abidin, Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri serta YBrs. Tuan Hj Hanif bin Nordin, Naib YDP KESEDARAN. Semoga amal ibadah yang telah dijalankan ini diterima oleh Allah S.W.T.



### TINDAKAN PANTAS

2 NOVEMBER 2023

Para petugas DBKL sentiasa bersiap siaga untuk menangani situasi luar jangka seperti pokok tumbang, banjir dan tanah runtuh. Petang kelmarin misalnya, telah berlaku kejadian pokok tumbang di Jalan Bukit Lanjan 4. Para petugas DBKL dengan bantuan Jabatan Bomba dan Penyelamat segera ke lokasi bagi melaksanakan kerja-kerja pemotongan pokok dan pembersihan kawasan serta mengawal aliran trafik. Tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Sebarang maklumat mengenai kejadian bencana alam boleh disalurkan ke <https://wa.me/601165399004>





## MALAYSIA SDG CITIES NETWORK

7 NOVEMBER 2023

MALAYSIA SDG CITIES NETWORK  
Hari ini sekali lagi Kuala Lumpur melakar sejarah menerima penghargaan sebagai bandar pertama di Malaysia dan Asia Pacific yang mempunyai SDG Centre dan telah melengkapkan penyediaan SDG Roadmap Report serta Voluntary Local Review. YBhg. Datuk Sr. Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah menerima sijil penghargaan daripada, YB Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Majlis Pelancaran Malaysia SDG Cities di Malaysia Urban Forum (MUF) di Kuching Sarawak. Kuala Lumpur juga merupakan salah satu bandar dalam Malaysia SDG Cities Network. Tahniat Kuala Lumpur!

## ANUGERAH PENARAFAN BANDAR PINTAR 2023


10 NOVEMBER 2023

Sempena dengan sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2023 Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan pada 9 November 2023, Kuala Lumpur menerima Anugerah Penarafan Bandar Pintar – Smart City Early Adopter berdasarkan penilaian indikator dalam MS ISO 37122:2019. YBrs. Encik Muhamad Azwal Bin Ab Azis, Pengarah Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) telah hadir mewakili Datuk Bandar untuk menerima anugerah tersebut yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerima anugerah ini bersama-sama 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain yang mana program Penarafan Bandar Pintar ini telah bermula pada 17 Julai 2023 sehingga 31 Ogos 2023. Seterusnya penilaian bagi penarafan telah melalui beberapa jawatankuasa sebelum disahkan dalam Majlis Bandar Pintar Negara yang dipengerusikan oleh YB Menteri KPKT.

Untuk kesekian kalinya, Tahniat Kuala Lumpur!





## AIR NAIK

23 NOVEMBER 2023

Hujan lebat yang turun di ibu kota sejak dari petang hingga ke malam ini telah menyebabkan berlakunya kejadian kawasan dinaiki air di beberapa lokasi. Petaling Street antara kawasan yang terlibat di mana air mula naik sekitar jam 5.40 petang dan surut lebih kurang 40 minit kemudian. Dianggarkan terdapat 40 gerai di kawasan terlibat.  
[#fasaperalihanmonsun](#)

## KUALA LUMPUR DEEPAVALI CELEBRATION 2023

16 NOVEMBER 2023

Meriah..itu yang boleh disimpulkan dengan program Kuala Lumpur Deepavali Celebration 2023 (KLDC 2023) yang telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Sr Hj. Kamarulzaman bin Mat Salleh, Datuk Bandar Kuala Lumpur. Program KLDC 2023 ini dianjurkan oleh DBKL sempena dengan sambutan Hari Raya Deepavali bertempat di Flag Pole, Dataran Merdeka. Program tahunan ini berkonsepkan rumah terbuka sama seperti rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri dan rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina. Kesemua pengunjung yang hadir telah dipersembahkan dengan persembahan muzik, pelbagai makanan tradisi, dan persembahan kebudayaan seperti Tarian Bharatanatyam, Tarian Bollywood serta demonstrasi kesenian seperti Kolam, Henna, Beads dan pertunjukan seni mempertahankan diri masyarakat India iaitu Silambam. Hadir bersama pada majlis ini ialah pengurusan tertinggi DBKL, Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur, Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pengarah Jabatan Dalamn DBKL, ketua penggiat industri pelancongan dan wakil NGO





## GOTONG ROYONG TINGKATKAN KESEDARAN KOMUNITI

26 NOVEMBER 2023

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Pejabat Cawangan Segambut bersama Pejabat Ahli Parlimen Segambut, Majlis Perwakilan Penduduk Sub Zon 4, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Alam Flora Sdn Bhd dan komuniti setempat telah mengadakan Program Gotong Royong pada pagi tadi bertempat di Kg. Masjid Segambut, Kuala Lumpur. Sebelum bermula, lebih 100 orang peserta yang hadir telah diberi taklimat ringkas oleh wakil APM berkaitan pengurusan bencana terutamanya situasi menghadapi banjir. Seterusnya wakil DBKL memberi taklimat pengagihan tugas seperti membersihkan longkang, mengutip sampah, mengindahkan landskap kepada para peserta bagi memastikan program ini berjalan lancar dan berjaya. Semoga dengan usaha-usaha ini dapat mengeratkan lagi hubungan komuniti bersama DBKL dan pada masa yang sama membantu mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut.

## KEBAJIKAN WARGA KERJA DBKL TERBELA

29 NOVEMBER 2023


Hari ini Min kira ramai warga kerja DBKL tersenyum ceria mendengar pengumuman istimewa Datuk Bandar Kuala Lumpur berkaitan usaha pihak pengurusan DBKL untuk membantu warga kerjanya bagi mendepani kos sara hidup yang tinggi di bandar raya. Kepedulian ini dikenali sebagai Inisiatif Ihsan Datuk Bandar. Ya lah.. sebagai PBT terbesar di negara ini dengan 9072 orang warga kerja dan 6856 darinya terdiri dari kalangan penjawat gred 19 dan ke bawah. Jadi fokus juga harus diberi kepada mereka ini yang rata-ratanya tergolong di dalam kelompok b40. Jadi ringkasnya, melalui inisiatif ini ada 2 pakej yang diperkenalkan. Pakej 1, Pakej Keterjaminan Makanan iaitu penawaran barang asas seperti beras, minyak masak, gula, tepung dan kicap pada harga yang lebih murah dari harga pasaran. Eh.. ada lagi.. selain pembayaran boleh dibuat secara online, paling istimewa pembayaran juga boleh dibuat melalui potongan gaji dan potongan tidak akan dibuat melebihi RM100 sebulan. Maksudnya kalau beli barang bernilai RM250 boleh bayar ansuran selama 3 bulan.. dah la barang tu murah boleh bayar secara ansuran lagi. Kata Datuk Bandar, beliau sedar ada di kalangan warga kerjanya, terutama yang mempunyai anak yang ramai, terpaksa ikat perut sementara nak menunggu gaji masuk..





# DISEMBER 2023

[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)





## MALAM CEMERLANG BUAT DBKL

2 DISEMBER 2023

### MALAM CEMERLANG BUAT DBKL

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada pasukan DBKL yang berjaya melakar kejayaan di majlis MIP MyPlace Awards 2023 malam tadi. Anugerah yang diperolehi oleh DBKL adalah seperti berikut:

1. Diamond Award
    - a. Placemaking For Recreation Approach @ Perdana Botanical Garden Healing Our City : Green, Active, Social
    - b. Taman Tasik Danau Kota, Kuala Lumpur
    - c. Transformasi Wajah Jalan TAR @ Kuala Lumpur
  2. Sapphire Award
    - a. Back Lanes @ Old Town City Kuala Lumpur (Activation, Connection and Rejuvenation of KL Laneways)
  3. Emerald Award
    - a. Taman Komuniti Keramat Wangsa AU3, Kuala Lumpur
    - b. Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit [ReNewPurpose : Transforming Spaces, Empowering Lives]
  4. Special Mention
    - a. LAr. Puteri Khairul Fathiah Binti Fahimudin
    - b. Taman Rimba Bukit Kerinchi
- Tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan di atas kejayaan ini.

## BERITA BAIK BUAT SEMUA

7 DISEMBER 2023

Bersempena dengan Program SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI yang akan diadakan pada 8 hingga 10 Disember 2023, bertempat di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, DBKL menawarkan KADAR KHAS ke atas kompaun yang dikeluarkan oleh DBKL.

Tak berapa jelas? maksudnya DBKL menawarkan diskaun untuk saman yang dikeluarkan oleh DBKL. Jadi, kepada mereka yang ada terima saman DBKL tu, ambillah peluang ini untuk segera menjelaskan saman DBKL sebab ia hanya ditawarkan untuk 3 HARI SAHAJA.

Apa perlu dibuat? Semak saman DBKL anda di aplikasi pay@kl dan bayaran boleh dibuat secara ATAS TALIAN (ONLINE). Kadar diskaun diberi secara automatik.

Ada lagi.. jika anda berkunjung ke tapak program di Stadium Bukit Jalil, singgah ke reruai (booth) No. 34, Jabatan Wilayah Persekutuan dan jelaskan bayaran saman anda di sana (tanpa tunai) dan tuntutan hadiah istimewa dari kaunter bayaran DBKL.

**Tawaran**  
**KADAR KHAS**  
**NOTIS KOMPAUN**  
**TERTUNGGAK**  
**DBKL**

*Pada*

**8 Disember 2023**  
Jumaat - 9.00 pagi hingga 4.00 petang

**9 Disember 2023**  
Sabtu - 9.00 pagi hingga 6.00 petang

**10 Disember 2023**  
Ahad - 9.00 pagi hingga 6.00 petang

**Booth 34**  
Pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil



## PERASMIAN MURAL LORONG BELAKANG JALAN HANG KASTURI

8 DISEMBER 2023

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui Unit Urbanisasi Bandar, Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) dengan kerjasama FSTEP by ASIAN BANKING SCHOOL, Nippon & IIUM telah mengadakan Program Pengindahan Bandar: Mural dan Naiktaraf Lorong Belakang Jalan Hang Kasturi yang berlangsung pada 18hb & 19hb November 2023 yang lalu.

## TAHNAH

12 DISEMBER 2023

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YB Dr. Zaliha binti Mustafa di atas pelantikan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Ikhlas daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan seluruh warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.





## PEMBENTANGAN BELANJAWAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2024

21 DISEMBER 2023

Bertemakan ASPIRASI MADANI, BANDAR RAYA LESTARI, Datuk Bandar Kuala Lumpur hari ini telah membentangkan belanjawan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2024 pada sidang media bertempat di Bilik Putra, Menara DBKL 1. Belanjawan DBKL 2024 dirangka selaras dengan enam prinsip Malaysia MADANI iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Berdaya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Tema bandar raya lestari pula membawa harapan agar pencapaian Kuala Lumpur dari segi pembangunan sosial, ekonomi dan fizikalnya adalah secara mampan dengan mengambil kira kehendak masa kini tanpa menjejaskan kehendak generasi akan datang. Secara ringkasnya, bagi tahun 2024 DBKL telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM 2.66 bilion secara keseluruhan dengan RM 2.01 bilion (75.6%) melibatkan PERUNTUKAN MENGURUS manakala RM 0.65 bilion (24.4%) melibatkan PERUNTUKAN PEMBANGUNAN. Anggaran Hasil 2024 dijangka meningkat kepada RM2.31 bilion berbanding RM2.08 bilion pada tahun 2023 iaitu kenaikan sebanyak 11%.

## SELAMAT HARI NATAL

25 DISEMBER 2023

Selamat Menyambut Hari Natal kepada semua yang meraikannya. Tulus ikhlas daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan seluruh warga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.





## HENTIKAN SIKAP MEMENTINGKAN DIRI

30 DISEMBER 2023

DBKL telah mengalihkan halangan dalam petak parkir awam di sekitar kawasan komersial Bandar Manjalara dan Medan Putra yang dijalankan oleh Pejabat Cawangan Segambut bersama Jabatan Penguatkuasaan. Sebanyak 40 unit kon, 21 unit tiang besi simen, 4 unit water barrier dan 2 unit tong yang diletakkan dalam petak parkir awam telah disita. Tindakan ini diambil setelah mendapati terdapat premis di kawasan tersebut meletakkan pelbagai halangan dalam petak parkir awam bagi tujuan persendirian dan perniagaan. Dua buah restoran juga telah dikenakan tindakan dibawah Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 kerana telah menyebabkan halangan. Semua premis yang berkaitan juga telah diberi teguran supaya tidak meletakkan apa-apa halangan dalam petak parkir awam.

## AMBANG TAHUN BAHARU 2024 @ PANGGUNG ANNIVERSARI, TAMAN BOTANI PERDANA

31 DISEMBER 2023

Selamat tahun baru 2024

**KUALA LUMPUR**  
**Berselawat**  
AMBANG TAHUN BAHARU 2024

Tausiyah & Qasidah Istimewa Oleh:  
Pencetus Ummah **Raihan** x Haggani **Mawlid Essemble**

Artis Jemputan:  
**DATUK RAMLI SARIP** **ANAS TAHIR BIENDA SYAFIQ FARHAIN**

**31 DISEMBER 2023**  
**8:00 MALAM**  
PANGGUNG ANNIVERSARI,  
TAMAN BOTANI PERDANA

DBKL 50 MALAYSIA MADANI

[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)

